

**UCAPAN
Y.B. DATO' SERI LAW HEING DING
MENTERI SAINS TEKNOLOGI DAN ALAM SEKITAR
SEMPERNA
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH LANGKAWI
DI
HOTEL CASUARINA, IPOH, PERAK**

21 OKTOBER 2002

Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan, Raja Dr. Nazrin Shah ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah.

Ampun Tuanku,

Patik dan Ahli-ahli Jawatankuasa Anugerah Langkawi dengan penuh takzim merafakkan sembah menjunjung kasih kebawah Duli yang Maha Mulia Tuanku, di atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku sudi berangkat mencemar duli ke Majlis Santapan Malam bersempena Penyampaian Anugerah Langkawi pada tahun 2002 malam ini. Sesungguhnya dengan keberangkatan ke bawah Duli-Duli Tuanku serta perhatian berat Duli-Duli Tuanku terhadap Majlis Penyampaian Anugerah Langkawi ini dapat memeriahkan lagi Sambutan Minggu Alam Sekitar bagi tahun ini. Anugerah ini adalah anugerah kepada mereka yang telah memberi sumbangan tenaga dan fikiran yang cemerlang dalam bidang alam sekitar. Sesungguhnya Anugerah Langkawi merupakan Anugerah yang dipandang tinggi oleh rakyat. Kesudian Tuanku mencemar duli adalah sangat disanjung oleh patik sekalian.

Ampun tuanku. Mohon patik hendak menyampaikan ucapan patik kepada pihak umum.

Yang Amat Berhormat
Datuk Tajol Rosli Ghazali
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan

Yang Berhormat
Dato' Zainal bin Dahalan
Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Alam Sekitar

Y. Amat Berbahagia Orang Kaya Bendahara Seri Maharaja
Tun Haji Syed Zahiruddin bin Syed Hassan

Y. Amat Berbahagia Orang Kaya-Kaya Panglima Kinta Seri Amar
Bangsa Diraja
Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan

Yang Berhormat
Dato' Ho Cheng Wang
Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Sains Teknologi dan Alam
Sekitar Negeri Perak

Yang berbahagia
Puan Hajah Rosnani binti Ibarahim
Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia

Y. Berhormat-Berhormat, Dato'-Dato', Datin-Datin

Ketua-ketua Jabatan

Pihak-pihak media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati
sekalian.

Salam Sejahtera dan Selamat Malam saya ucapkan kepada semua.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Majlis Penyampaian Anugerah Langkawi bagi tahun 2002, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan sepatah dua kata di Majlis ini. Majlis penyampaian Anugerah Langkawi ini diadakan bersempena dengan perayaan Minggu Alam Sekitar Malaysia 2002. Pada tahun ini kita merasa gembira kerana berpeluang meraikan majlis ini di Bandaraya, Ipoh, Perak, bandaraya yang berkembang pesat dan makmur dibawah naungan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak.

Seperti yang tuan puan sedia maklum, mada malam yang mulia ini, kita sekali lagi memberi penghormatan kepada seorang anak Malaysia yang gigih, yang telah menyumbangkan masa dan tenaga beliau kearah kecemerlangan alam sekitar di negara kita. Beliau telah berjaya menarik perhatian Panel Pemilihan Anugerah untuk memilihnya sebagai pemenang pada tahun ini. Saya merasa bangga kerana dapat turut hadir di majlis ini untuk bersama-sama meraikan kemenangan Pemeneng Anugerah Langkawi bagi tahun 2002.

Penganugerahan ini adalah sejajar dengan garispanduan yang termaktub di bawah Deklarasi Langkawi Mengenai Alam Sekitar yang telah di tandatangani pada 21 Oktober 1989 oleh Ketua-Ketua Negara Commonwealth. Bagi mengigati peristiwa bersejarah tersebut, Anugerah Langkawi telah diwujudkan dan dijadikan sebagai penganugerahan tahunan kepada individu warganegara Malaysia yang telah berjaya memberi sumbangan yang signifikan dalam bidang alam sekitar, tanpa mengenal penat lelah.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Anugerah ini, semenjak diperkenalkan pada tahun 1991, telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada individu-individu yang berkecenderungan untuk menjadi calon. Amat sukar untuk untuk membuat pemilihan bagi mencari seorang calon yang paling layak menerimanya. Jawatankuasa Pemilihan yang dipengerusikan oleh saya menghadapi cabaran yang sama bagi tahun ini untuk memilih seorang sahaja calon yang benar-benar layak (Best of the best)

walaupun nama-nama yang dicalonkan semuanya layak menerima Anugerah alam sekitar yang ulung ini.

Pada pandangan saya, semenjak Anugerah Langkawi diperkenalkan secara tidak langsung rakyat Malaysia semakin peka dan komited terhadap permasalahan dan isu-isu alam sekitar. Saya gembira pada malam ini, sekali lagi kita berpeluang menganugerahkan Anugerah ini kepada seorang rakyat Malaysia yang telah dan rela hati memberi sumbangan kearah kebaikan alam sekitar negara. Kepada beliau, syabas saya ucapkan.

Apabila kita mengimbas kembali senario alam sekitar di peringkat nasional mahupun di peringkat antarabangsa, ia terus diwarnai dengan perkembangan positif tidak kurang juga perkembangan negatif alam sekitar. Permasalahan alam sekitar terus menjadi topik perbincangan di forum-forum kebangsaan dan antarabangsa. Masyarakat global termasuk Malaysia terus berbicara mengenai isu-isu alam sekitar semasa seperti masalah pencemaran merentasi sempadan, masalah pelupusan buangan merbahaya, masalah penipisan lapisan ozon, masalah pemanasan global, perubahan cuaca dan sebagainya. Apa yang dapat kita lakukan ialah mempertingkatkan usaha-usaha kita sendiri untuk mengurangkan permasalahan yang sedemikian. Kita juga berharap usaha-usaha yang dilakukan di peringkat antarabangsa akan berhasil kerana kita sedia maklum bahawa pencemaran ini tidak mengenal sempadan (pollution respects no boundaries).

Kerajaan amat peka dan komited tentang perlunya keseimbangan di antara pembangunan dan alam sekitar. Di era globalisasi ini, sekali lagi kita tidak dapat lari dari perlu berkerjasama erat dengan masyarakat global dalam menjaga kualiti alam sekitar kita untuk kebaikan semua rakyat Malaysia khususnya dan rakyat dunia amnya. Pengalaman-pengalaman yang lalu perlu dijadikan pedoman yang berguna dalam membuat keputusan. Memandangkan kita berkongsi atmosfera yang sama, sebarang kemusnahan yang berlebihan, akan memberi akibat yang buruk kepada semua dan akan menjadi mahal untuk dipulihkan sekiranya dibiarkan saja.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sebagaimana yang para hadirin sedia maklum, penjagaan alam sekitar ini tidak harus tertumpu kepada satu pihak sahaja. Semua pihak wajar memberikan komitmen yang sama. Tanggungjawab ini adalah tanggungjawab bersama tidak terkecuali agensi-agensi Kerajaan, Swasta, pihak industri dan perniagaan, badan-badan NGO dan orang ramai keseluruhannya. Masing-masing kita bertanggungjawab untuk memelihara alam sekitar. Tanpa komitmen yang bersepadu sebegini, sebarang pendekatan yang dibuat, sukar untuk berjaya.

Saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Pemenang Anugerah Langkawi yang akan diumumkan sebentar lagi. Saya berharap pengiktirafan ini akan memberikan beliau lebih semangat untuk terus memberi sumbangan dalam arena alam sekitar. Kepada para pemenang Anugerah Langkawi yang lalu, yang juga hadir pada malam ini, saya juga berharap agar mereka meneruskan sumbangan tenaga dan masa mereka dalam bidang alam sekitar selagi terdaya.

Akhirkata, saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Perak di atas penganjuran Minggu Alam Sekitar 2002 yang cemerlang serta terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur yang telah menjayakan majlis ini.

TuanKu, Patik menjunjung kasih kepada TuanKu dan setinggi-tinggi terima kasih diatas kesudian TuanKu hadir pada malam ini dan sekaligus memeriahkan Majlis kami.

Terima kasih.